

29.8.2019

## SIARAN MEDIA

### **PBAPP UNGGULI DUA ANUGERAH “PENANG TOP ACHIEVERS”**

- **“Industry Excellence in Public Service”** untuk PBAPP
- **“Masterclass – Icon of the Year”** untuk CEO PBAPP dan PBAHB

PULAU PINANG, Khamis, 29.8.2019: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menerima dua anugerah pada majlis “*Penang Top Achievers 2019 Awards Nite*” di G Hotel di sini malam tadi.

Dianjurkan oleh “*Leaders Online*”, sebuah pasukan profesional global, majlis ini mengiktiraf pencapaian para pemimpin di segenap sektor di Pulau Pinang dan memperakui sumbangan mereka terhadap pembangunan ekonomi dan pembangunan negara.

PBAPP memenangi anugerah “*Industry Excellence in Public Service*” kerana penglibatan dalam mengembangkan pembangunan korporat dan kemasyarakatan, serta mengemudi perniagaan bekalan air di Pulau Pinang ke tahap yang lebih tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd (PBAHB) Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa memperolehi anugerah “*Masterclass - Icon of the Year*” untuk pencapaian kepimpinan dalam industri bekalan air Malaysia.

Dikorporatkan pada tahun 1999, PBAPP menyambut ulang tahun ke 20 dalam memberikan khidmat awam untuk kepentingan Pulau Pinang dan rakyatnya pada tahun 2019 ini.

Petunjuk prestasi utama PBAPP pada tahun 2018 termasuk:

- Liputan bekalan air 100% di bandar dan 99.8% di luar bandar, 24 jam, 7 hari seminggu.
- “Tiada Catuan Air” di Pulau Pinang untuk 19 tahun berturut-turut.
- Kualiti air terawat yang melebihi parameter Polisi Jaminan Kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.



- Margin rizab air terawat tertinggi di Malaysia pada 32.9%.
- Pelbagai anugerah untuk pencapaian cemerlang dalam kejuruteraan bekalan air, pengurusan, pembangunan sumber manusia, dan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Dato' Ir. Jaseni adalah Jurutera Profesional berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Ahli Persatuan Air Malaysia (MWA), Ahli Institut Jurutera Malaysia (IEM) dan Ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti Universiti Sains Malaysia (USM ICAP) bagi Pusat Pengajian Kejuruteraan.

Sehingga kini, beliau telah berkhidmat untuk Pulau Pinang iaitu di PBAHB, PBAPP dan Pihak Berkuasa Air (terdahulu) selama 34 tahun.

Dato' Ir. Jaseni adalah penyokong kuat untuk:

- Pemuliharaan kawasan tadahan air, terutama Ulu Muda, sebagai permulaan rangkaian nilai bekalan air.
- Pengurusan bekalan air holistik dan lestari (melalui pelaksanaan kedua-dua inisiatif pengurusan bekalan dan permintaan) pada era perubahan iklim ini.
- Kesedaran dan pendidikan pengguna untuk memupuk masyarakat "bijak-air" dan jimat air yang bermaklumat.
- Latihan kompetensi dan pensijilan bagi semua kakitangan industri bekalan air di Malaysia.

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



28.8.2019 : PBAHB & PBAPP CEO Dato' Ir. Jaseni Maidinsa receiving the "Masterclass – Icon of the Year" award from Malaysian Deputy Minister of Finance, Dato' Haji Amiruddin bin Haji Hamzan.



28.8.2019 : PBAPP WINS TWO "PENANG TOP ACHIEVERS" AWARDS